

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD  
[ PASIR GUDANG ]**

**PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah tindakan yang telah dikenakan kepada peniaga-peniaga yang membuat penyelewengan timbangan barang jualan dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan perkara tersebut tidak berlaku.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian sentiasa memberikan perhatian yang serius ke arah membendung isu penyelewengan nilai timbangan barang oleh peniaga-peniaga yang menggunakan alat timbang atau sukat yang tidak tepat atau palsu yang mana pelanggarannya merupakan satu kesalahan yang boleh diambil tindakan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 (ATS 1972).

2. Bagi tahun ini sehingga 15 September 2014, sebanyak 1,565 tindakan kes telah diambil melibatkan pelbagai kesalahan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972. Walau bagaimanapun, hanya 9 sahaja tindakan kes yang melibatkan pemalsuan timbangan. Antara kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan oleh peniaga ialah seperti berikut:-

- (i) Alat timbang atau sukat tidak ditentusahkan atau ditentusahkan semula;
- (ii) Berniaga alat timbang tanpa lesen;
- (iii) Menggunakan alat timbang yang tidak sesuai;
- (iv) Penggunaan alat timbang neraca spring satu muka; dan
- (iv) Membuat perubahan atau memalsukan alat timbang atau sukat.

3. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian ini dalam mengawal penyelewengan timbangan dan sukatan adalah seperti berikut:

- (i) Penguatkuasa telah mengadakan pemeriksaan secara berkala dan lawatan secara mengejut untuk membuat pemeriksaan ke atas alat timbang yang digunakan oleh peniaga-peniaga bagi memastikan setiap alat timbang yang digunakan bagi tujuan perdagangan telah ditentukan dan masih belum tamat tempoh penentusahannya.
- (ii) Selain daripada itu, Kementerian juga telah menjalin kerjasama dengan pihak berkuasa di kompleks-kompleks perniagaan dan pasar-pasar basah bagi memastikan pematuhan undang-undang di kalangan peniaga.
- (iii) Penggunaan alat timbang dua muka sebagaimana yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang ke arah memastikan perniagaan yang lebih telus kerana pengguna dapat melihat sendiri nilai timbangan terhadap barangan yang dibeli.
- (iv) Di samping itu, Kementerian juga telah mewujudkan Kaunter Khidmat Pengguna di pasar-pasar utama di seluruh negara sebagai kemudahan kepada pengguna untuk membuat timbangan semula ke atas barangan yang telah dibeli sekaligus dapat memberi kemudahan kepada pengguna untuk membuat aduan sekiranya terdapat peniaga yang menggunakan alat timbang yang tidak seimbang atau tidak tepat.

3. Kementerian sentiasa mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk melaporkan sebarang kegiatan penyelewengan timbangan yang dilakukan oleh peniaga supaya tindakan segera dapat diambil terhadap pihak-pihak yang terbabit dengan kesalahan ini.